PROJEK	**CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH.**
MESYUARAT	Mesyuarat Tapak No.7
TARIKH	9 November 2020 (Isnin)
MASA	10.15 pagi
TEMPAT	Aplikasi Skype (Dalam Talian)

KPKT

MESYUARAT TAPAK NO.7

MAKLUMAT KONTRAK KERJA

KONTRAKTOR : REMT Utama Sdn Bhd

KONTRAK No : KPKT/CPPP/JBPM/14/15/2019

HARGA KONTRAK : RM 6,305,978.26

TEMPOH KONTRAK : 18 Bulan / 546 Hari (546 Hari + 114 hari EOT No.1)

TARIKH MULA KERJA : 12hb November 2019

TARIKH SIAP KERJA : 10hb Mei 2021 (1 September 2021 - EOT No.1)

Pemilik Bangunan / Pengguna:
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Sabah
Jalan Lintas Likas,
Beg Berkunci 30,
88990 Kota Kinabalu, Sabah.

Agensi Pelaksana:
Pejabat Wilayah 6,
Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP,
Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kontraktor:
REMT UTAMA SDN BHD (*REMT*)
Ground Floor, Lot 20,
Grace Square,
Jalan Pantai Sembulan,
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Arkitek:
NOOR IZWAN ARCHITECT (*NIA*)
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4,
Metro Town, Jalan Lintas,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding C&S:
AKTIF FA KONSULT SDN BHD (*AFK*)
Lot 17 & 19, 2nd Floor, Block C,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88859 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding M&E:
JURUTERA PERUNDING INTELEK SDN BHD (*JPI*)
No. 22-2, 2nd Floor, Block D, Lorong Plaza Kingfisher 6, Plaza Kingfisher,
Kuala Inanam Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Ukur Bahan:
PQS SETIA KONSULT (*PQS*)
Shop No. 1-2, 2nd Floor, Block B,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

SENARAI KEHADIRAN

NAMA	JABATAN/SYARIKAT	NO. TEL
1. En. Mohd Arzaleigh Abd Rahman (Pengerusi)	CPP/W6/KPKT	088-210153
2. En. Jeremy Jeffery Gunis	CPP/W6/KPKT	088-210153
3. En. Muhamad Safarin Yahaya	CPP/W6/KPKT (M)	088-210153
4. En. Mohd Riza Bin Ali	CPP/W6/KPKT (E)	088-210153
5. En. Effendy Bin Mohd Yamin	CPP/W6/KPKT	088-210153
6. Tn. Mohamad Hasbullah Bin Nenggok	JBPM Beaufort	
7. Ar. Noor Izwan Bin Rahim	Noor Izwan Architect (NIA)	012-3218905
8. En. Syahril Bin Mohd Ariffin	Noor Izwan Architect (NIA) - IOW	011-27640850
9. En. Terrance Tang	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK)	016-9961090
10. En. Oh Kok Thu	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK) - ARE	012-8663113
11. Ir. Sherman Bin Daim	Jurutera Perunding Intelek S/B (JPI)	019-8602398
12. En. Abdul Aziz Bin Limat	Jurutera Perunding Intelek S/B (JPI) - IOW	016-826 9409
13. En. Sharman Sharif	PQS Setia Konsult (PQS)	010-9513639
14. Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	016-8353423
15. En. Ronny Bin Lesa	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	011-36467021
16. En. Ahmad Khairy Bin Mohd Yasin	REMT Utama Sdn Bhd (REMT) - SSS	013-8182879

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN</th><th>TARIKH</th><th>CATITAN</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td>UCAPAN PENGERUSI</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Tuan Pengerusi En. Mohd Arzaleigh Abd Rahman mengalu-alukan kehadiran semua pihak dalam mesyuarat ini.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>En. Muhamad Safarin Yahaya dari Unit Mekanikal W6 mencadangkan Minit Mesyuarat Penyelarasan No.4 bertarikh 12 Oktober 2020 disahkan dan cadangan tersebut telah disokong oleh Ir. Sherman Bin Daim dari Jurutera Perunding Intelek dengan pindaan pada item 4.3.8 seperti berikut:

En. Safarin (Unit Mekanikal W6) memaklumkan bahawa kerja-kerja Cold Water Sanitary boleh mula dilaksanakan oleh REMT mengikut Lukisan Pembinaan yang telah diluluskan.</td><td>Makluman

Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>LAPORAN KEMAJUAN KERJA</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.1</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.9 (EOT no.1) yang dibentangkan dalam mesyuarat, REMT melaporkan kemajuan kerja di tapak bina sehingga 2 November 2020 seperti berikut:

<table><tr><th>Kerja Fizikal (Jadual)</th><th>Kerja Fizikal (Sebenar)</th><th>Maju / Lewat</th></tr><tr><td>48.00%</td><td>45.00%</td><td>-3.00%
(20 Hari)</td></tr></table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.2</td><td>REMT memaklumkan kerja-kerja pembinaan Ground Beam (untuk Blok Utama) masih dijalankan di Tapak dan kerja-kerja berikut akan dilaksanakan dalam bulan November 2020:

i) Installation of Ground Beam Rebars
ii) Contruction / Laying of Road Base
iii) Installation of Reinforcement Bars to Pad Footings& Stumps</td><td>Makluman/ REMT</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.3</td><td>REMT melaporkan Kemajuan Kewangan Projek adalah seperti berikut:

<table><tr><th>Status Kewangan Dijadualkan</th><th>Status Kewangan Sebenar</th><th>Maju / Lewat</th></tr><tr><td>19.13%
RM1,206,333.64</td><td>11.53%
RM727,079.29</td><td>-7.60%
RM479,254.35</td></tr></table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.4</td><td>REMT telah menyediakan laporan cuaca di Tapak yang dibandingkan dengan rekod daripada Jabatan Meteorologi bagi memudahkan penilaian dan pemantauan kemajuan kerja.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.5</td><td>Kerja pembinaan drainage di kawasan final discharge point perlu ditangguh sehingga kebenaran diperolehi daripada pihak Mahkamah Beaufort.

Tuan Pengerusi meminta AFK untuk memberi pilihan kawasan lain untuk final discharge point bagi mengelak sebarang masalah berbangkit.</td><td>AFK</td><td>12/10/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.6</td><td>NIA memaklumkan bahawa kerja pembinaan Rumah Sampah dihentikan seketika sehingga kelulusan diperolehi daripada pihak USB berhubung perubahan ketinggian yang dikemukakan NIA pada 19 Oktober 2020.

Perubahan melibatkan pengurangan ketinggian bangunan dan Roller Shutter. AFK telah meminda lukisan perincian mengikut perubahan ini.</td><td>NIA/ REMT</td><td></td><td></td></tr>
</table>

3.2	**PROGRAM KERJA**			
3.2.1	REMT memaklumkan akan mengemukakan salinan CPM dan juga Laporan Kemajuan yang telah diperakui oleh Perunding kepada W6 pada minggu ini.	REMT	06/07/2020	
3.3	**AUDIT KESIHATAN, KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN SEKURITI**			
3.3.1	Ringkasan pembentangan daripada En. Khairy (*Site Safety Supervisor*) berhubung *unsafe condition* adalah melibatkan *rebar (reinforcing bar)* yang tidak disimpan rapi di tapak. Tuan Pengerusi menasihatkan agar tempat penyimpanan *rebar* dibina sedikit tinggi dari aras tanah dan bertutup.	REMT	14/09/2020	
3.3.2	En. Khairi melaporkan bahawa surat peringatan berhubung pematuhan SOP telah dikeluarkan kepada pekerja di Tapak dan keadaan kesihatan di Tapak adalah terkawal. Antara langkah keselamatan yang diambil melibatkan: i) Ujian *swap* telah dilakukan bagi pekerja asing. ii) Arahan untuk menghadkan pergerakan keluar masuk ke Tapak.	Makluman		
4.0	**STATUS KERJA PERUNDING**			
4.1	**ARKITEK**			
4.1.1	Berhubung isu pembekal *Roller Shutter*, REMT masih lagi berusaha untuk mendapatkan cadangan pembekal dari Sabah sebagai opsyen selain daripada pembekal dari Johor.	REMT	04/02/2020	
4.1.2	En Safarin (Unit Mekanikal W6) memaklumkan bahawa status perubahan spesifikasi dan tempoh jaminan (*warranty*) bagi *Roller Shutter* akan diputuskan oleh Unit Mekanikal KPKT sebaik mendapat maklum balas JBPM. Tuan Pengerusi meminta REMT untuk mendapatkan pembekal yang memenuhi spesifikasi kontrak sehingga perkara ini diputuskan.	W6 Makluman	12/10/2020	
4.1.3	NIA melaporkan pihak UPP KPKT telah mengemukakan rayuan lanjut pengecualian Arkitek Lanskap pada 28 September 2020 kepada Majlis Daerah Beaufort dan masih belum diputuskan hingga kini.	NIA	10/08/2020	
4.1.4	REMT memaklumkan telah mendapatkan pembekal yang memenuhi spesifikasi bahan *tinted glass window* dan *sample* bahan akan dikemukakan kepada USB KPKT pada 10 November 2020.	REMT	10/08/2020	
4.1.5	NIA melaporkan kelulusan bagi 8 cadangan penambahbaikan rekabentuk telah diterima daripada JBPM. USB akan membuat semakan lanjut berhubung perubahan kos terlibat dan akan mengeluarkan surat rasmi berhubung perkara ini. Penambahbaikan ini melibatkan: i) Aras Kemasan Lantai (FFL) pada bahagian Anjung. ii) *Floor Trap* di kawasan Laman iii) *Sliding Window* di Bilik Kawalan iv) *Counter Top Glass* di Kaunter Pejabat Operasi v) Tingkap di Bilik Persediaan dan Tandas Wanita vi) Tandas OKU vii) Kemasan Lantai di Bilik *Gymnasium* viii) *Stainless Steel Wire Mesh Railing* di ruang Laluan Aras 1	USB	10/08/2020	
4.1.6	Tuan Pengerusi meminta agar Pelan Survey yang disediakan oleh pihak REMT segera diperakui dan ditandatangan oleh Jurukur bertauliah bagi mengelak sebarang masalah berbangkit seperti dimaklumkan oleh AFK.	REMT	14/09/2020	

4.2	**KEJURUTERAAN AWAM & STRUKTUR**			
4.2.1	PQS mengesahkan telah menerima anggaran kos 1 Lampu Jalan yang diserah oleh JPI dan kini dalam semakan sebelum diserahkan bersama kos akses baharu kepada KPKT sebagai permohonan tambahan kos. Tuan Pengerusi mencadangkan agar kos bagi skop kerja akses baharu yang dimohon sebagai tambahan kos (V.O) ini dimohon dibawah item *Work Outside Boundary* (WOB). PQS perlu berbincang dengan UKUB.	PQS PQS	04/02/2020	
4.2.2	AFK melaporkan pindaan Lukisan Struktur yang dikemukakan semula kepada UKAS masih belum mendapat kelulusan. Tuan Pengerusi mengarahkan agar AFK membuat semakan lanjut memandangkan kerja-kerja pembinaan sedang berjalan.	AFK	04/02/2020	
4.2.3	AFK memaklumkan berhubung status kelulusan Pelan Kejuruteraan yang dikemukakan kepada PBT seperti berikut: <u>MSMA</u> Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019. - Ulasan berkaitan *leveling* daripada JPS, JPS Beaufort akan berbincang bersama JPS HQ berdasarkan info daripada AFK. - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah kemuka surat permohonan kepada Mahkamah Beaufort pada 30 September 2020 berhubung kebenaran kedudukan *final water discharge point.* Surat kebenaran perlu dikemukakan kepada MSMA. <u>ESCP</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Terdapat ulasan daripada JPS, AFK perlu kemukakan Pelan Lokaliti terkini JPBW dan Jabatan Tanah & Ukur dalam bulan ini. <u>Sistem Retikulasi</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Belum terima sebarang ulasan daripada JANS. <u>Jalanraya</u> Akan dikemukakan kepada JKR Beaufort pada pertengahan September 2020, menunggu KPKT untuk tandatangan Pelan. <u>Pembentungan</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - AFK telah kemuka semula Pelan pada 14 September 2020 kepada JKR Beaufort dan telahpun diluluskan (JKR) pada 17 September 2020.	AFK	03/12/2019	
4.2.4	Tuan Pengerusi meminta AFK untuk membuat semakan bersama pihak JKR samada Pelan Pembentungan perlu dikemukakan untuk kelulusan Jabatan Pembentungan atau memadai dengan kelulusan JKR sahaja.	AFK		
4.2.5	Cadangan kelulusan bahan bagi 1 unit *piling* di Menara Latihan (Hume Concrete) telah dimajukan kepada UKAS dan mendapat kelulusan. Cadangan bagi opsyen kedua (SEDCO) masih belum diluluskan.	AFK	14/09/2020	
4.2.6	AFK memaklumkan bahawa JPS meminta setiap *drainage* dengan kedalaman melebihi 600mm perlu dibina secara *covered drainage*. Hal ini melibatkan penambahan kos dan permohonan perubahan kerja perlu dikemukakan kepada UKAS. Tuan Pengerusi menasihati AFK untuk kemuka cadangan kos dan kualiti yang optimum.	AFK	12/10/2020	
4.3	**KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL**			
4.3.1	JPI memaklumkan SESB HQ yang sepatutnya hadir ke Tapak pada 19 Oktober 2020 (bagi menentukan penambahan ketinggian tiang serta kabel elektrik di tiga akses tapak) ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian disebabkan PKPB.	JPI	03/03/2020	

4.3.2	REMT memaklumkan akan mengemukakan cadangan pembekal bagi *trailer genset* kepada JPI pada hujung November 2020.	REMT	03/03/2020	
4.3.3	JPI memaklumkan kelewatan kelulusan permohonan bekalan elektrik (PD9 *Form*) berkait dengan lokasi dan rekabentuk pencawang SESB yang masih belum diluluskan. JPI telah kemuka lukisan rekabentuk pada 20 Oktober 2020 kepada SESB Beaufort dan akan membuat semakan berhubung *contribution cost.*	JPI	03/03/2020	
4.3.4	JPI mengesahkan telah menerima salinan profil syarikat daripada REMT bagi skop kerja M&E dan sub-con Mekanikal telahpun diluluskan oleh Unit Mekanikal KPKT. JPI akan mengemukakan permohonan kelulusan sub-con Elektrikal kepada KPKT pada 11 November 2020.	JPI	10/06/2020	
4.3.5	JPI mengesahkan COW M&E En. Abdul Aziz Bin Limat telah memulakan tugas pada 1 November 2020.	Makluman	03/03/2020	
4.3.6	MDB mencadangkan agar pihak JPI mengemukakan cadangan pelan berkaitan lokasi dan jumlah lampu jalan (termasuk lampu sediada) untuk penilaian dan pengesahan MDB. JPI akan kemuka pelan untuk ditandatangani oleh TSUB terlebih dahulu.	JPI	06/07/2020	
4.4	**UKUR BAHAN**			
4.4.1	PQS memaklumkan pihak AFK perlu kemuka surat pengesahan Lukisan Kontrak kepada Unit Ukur Bahan.	Makluman	06/07/2020	
4.4.2	PQS melaporkan permohonan perubahan kerja dan perubahan kos seperti berikut:	Perunding/ REMT		

	Perubahan Kerja	Tarikh Kelulusan	Kos Terlibat	Status
1	Perubahan *RC Bench* kepada *Compartment* melibatkan pelebaran Grid 1 (250mm). **(NIA)** Tarikh Permohonan 25/11/19	PPR 03/12/19 KPK - APK -	Semakan penambahan kos untuk bangunan telah siap.	PQS akan kemuka untuk kelulusan KPK kepada UKUB pada minggu ini.
2	Akses baharu ke Kuarters sediada. **(NIA)** Tarikh Permohonan 22/01/20	PPR 30/01/20 KPK - APK -	Tambahan kos telah disemak oleh PQS yang turut ambil kira ukuran jalan disebabkan perubahan Pelan *Survey*.	Kos dan lokasi bagi 1 tiang lampu dan pemindahan *cable* telah diperolehi daripada JPI. AFK telah kemuka lukisan terkini menunjukkan parkir kereta.
3	Penambakan kawasan *Pond* sediada dan kerja-kerja *turfing*. **(NIA)** Tarikh Permohonan 28/08/20	PPR 04/09/20 KPK - APK -	Tiada perubahan kos.	Tidak perlu kemuka pindaan pelan, hanya perlu kemuka As-Built kepada MDB.

4	Perubahan *PPE Compartment* baharu seperti kehendak JBPM. **(NIA)** Tarikh Permohonan 25/09/20	PPR 30/09/20 KPK - APK -	Lulus berserta perubahan kos.	REMT perlu kemukakan cadangan kos untuk semakan PQS bagi permohonan KPK.
5	*Roof fall* pada Setor Logistik, Rumah Sampah dan Rumah Pam. **(NIA)** Tarikh Permohonan 25/09/20	PPR 30/09/20 KPK - APK -	Tiada perubahan kos.	Hanya melibatkan arah *roof fall.*
6	Tempat Parkir Kereta Berbumbung (5 parkir kepada 6 parkir). **(NIA)** Tarikh Permohonan 25/09/20	PPR 30/09/20 KPK - APK -	Lulus tanpa perubahan kos.	Terdapat penambahan kos yang akan disemak oleh PQS.
7	Perubahan struktur di Blok Utama, Menara Latihan, Rumah Pam & Parkir Berbumbung. **(AFK)** Tarikh Permohonan -	PPR - KPK - APK -	Kiraan tambahan kos telah selesai disemak oleh PQS.	PQS akan kemuka permohonan KPK selepas tempoh PKPB berakhir.
8	Perubahan lokasi dan saiz bangunan pencawang SESB. **(JPI)** Tarikh Permohonan -	PPR - KPK - APK -	Tambahan kos telah disemak oleh PQS.	PQS akan kemuka permohonan KPK selepas tempoh PKPB berakhir.

4.5	**LAPORAN KAWALAN KUALITI PERUNDING**			
4.5.1	Perunding membentangkan laporan bagi setiap disiplin untuk makluman mesyuarat dan akan mengemukakan salinan laporan melalui emel kepada W6.	Makluman		
5.0	**HAL-HAL LAIN**			
5.1	NIA memaklumkan REMT perlu mencadangkan lokasi paling sesuai untuk pemindahan Pili Bomba sediada berdasarkan dua cadangan lokasi daripada JBPM sebelum diputuskan oleh NIA.	REMT/ NIA	03/03/2020	
5.2	En. Safarin (Unit Mekanikal W6) meminta agar permohonan kelulusan bahan bagi Paip Air dan Paip Sanitari disegerakan oleh REMT dan JPI	REMT/ JPI		
6.0	**PENUTUP**			
6.1	Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan memohon kerjasama semua pihak untuk mengambil tindakan selanjutnya bagi perkara-perkara yang telah dibincangkan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 petang dan mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.	Makluman		

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH : **TARIKH :** 10 November 2020

.....

Ar. Noor Izwan Bin Rahim
Prinsipal
Noor Izwan Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH: **TARIKH:**

.....

Jeremy Jeffery Gunis
Penolong Pengarah,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :**

.....

Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan